

L. maskulin

STYLA BURNHAMUDIN
NAIDA ZULKIFLI

IDEOLOGI CANTIK Syed Dewa

RAMAH ORANGNYA, DENGAN RAMBUT BERALUN PARAS BAHU, DITAMBAH DENGAN SENYUMAN KALA WANITA MENYAMBUT KEHADIRANNYA DI KAMAR STUDIO DI UTUSAN KARYA SDN. BHD. UNTUK SEKIAN KALINYA... BERSUA BUKAN ATAS TUGASAN MENATA RIAS. SEBALIKNYA DIALAH SUBJEK UTAMA SESI FOTOGRAFI DALAM LEMBARAN STAIL MASKULIN KELUARAN INI.

"Saya juga menjual rantai eksklusif di bawah label Perawan by Syedewa dan memperkenalkan serum khusus untuk meredakan masalah jerawat; Perawan Acne Serum. Alhamdulillah, ketiga-tiganya cukup membuatkan saya perlu bijak menguruskan masa bagi memastikan semuanya berjalan baik," tutur anak bongsu dari empat bersaudara menutup bicara. W

PROFIL SYED DEWA

NAMA: Syed Mohamad Fahmi Syed Shabthar
NAMA KOMERSIAL: Syed Dewa (ilham daripada e-mel peribadinya, menggunakan nama Syed Dewa sebagai e-mel rasmi. Terasa ada nilai komersial di situ, Syed Dewa kekal menjadi nama pengenalannya sehingga kini)
UMUR: 29 tahun (29 Ogos 1987)
ASAL: Alor Setar, Kedah
PENDIDIKAN: B.Sc Teknologi Kimia UKM dan MSc Genetik UKM
LAMARAN SOSIAL RASMI: instagram @syedewa
RUTIN GROOMING: Cukup saja mencuci wajah dengan sempurna sebelum tidur, mendapatkan rawatan di salon khusus untuk rambut serta merapikan jambang supaya sentiasa kemas.
DESTINASI PERCUTIAN: Gemarkan lokasi percutian yang berbaloi dan murah untuk

Tidak kaku kala jurufoto meminta dia beraksi di hadapan lensa kamera. Berbicara dengannya menjadikan WANITA cukup senang dengan sifatnya yang merendah diri dan menyenangkan.

"Dalam industri (bidang solekan) kita perlu humble, hormati mereka yang lebih senior serta elakkan memburuk-burukkan sesama sendiri dan bercakap perihal negatif. Lebih manis kalau orang mengenali kita dengan hal positif dan bukannya dikenali kerana cerita negatif," mukadimah awal yang dikongsi juru solek muda, Syed Mohamad Fahmi Syed Shabthar atau lebih dikenali sebagai Syed Dewa.

ANTARA 'GENETIK' DAN PALET WARNA

Anak muda kelahiran Alor Setar, Kedah ini dengan rendah diri mengakui, baru lima tahun bergelumbang dalam dunia persolekan. Balcatnya, mula dikesan apabila acap kali menjadi individu penting menata rias wajah teman-temannya ketika terlibat dengan persembahan teater dan tarian di universiti.

Mengakui dia cukup meminati bidang solekan sejak di bangku sekolah, menjadikan pemegang Sarjana dalam jurusan Genetik dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini menumpukan seluruh jiwa dan raganya dalam bidang persolekan. Jika dilihat dari kelulusan yang dimiliki oleh Syed, pasti ada yang mengatakan tidak berbaloi belajar tinggi-tinggi akhirnya bergelar juru solek?

Namun bagi empunya diri mempunyai pendapatnya yang tersendiri.

"Pada mulanya, saya meminta izin kedua-dua ibu bapa untuk serius 'cari makan' dalam bidang solekan. Bilang ibu, tak menyesehal bekerja dengan bidang berbeza dari apa yang saya belajar di universiti. Bagi saya, kelulusan adalah satu bonus untuk saya. Sebaliknya tak salah kalau saya buat sesuatu yang saya benar-benar passionat.

"Walaupun baru lima tahun dalam industri, ilmu yang ada dalam bidang solekan tak bermalena dah cukup. Bidang solekan sentiasa ada influence baru seiring dengan peralihan masa. Jadi untuk hasilkan karya yang menarik, jangan lokek berkongsi ilmu. Bagi saya lagi banyak perkongsian ilmu... lagi banyak ilmu baru kita akan dapat.

"Saya gemar berkongsi ilmu melalui kelas solekan eksklusif yang dikelola oleh saya sendiri (Syed Dewa Makeup Class) dan lazimnya akan diuar-uarkan menerusi laman instagram rasmi saya @syedewa. Di kelas tersebut, saya berkongsi pelbagai tip solekan dan bagaimana cara atau medium terbaik bagi mempromosikan bisnes solekan ini supaya lebih komersial. How to start and how to be different. After all its all about marketing.

"Melihat pencapaian 'anak murid' seolah-olah perasaan seorang guru tersenyum puas bila anak murid lulus dengan cemerlang. Siapa sangka yang dahulunya tak mahir bersolek cantik, kini mampu menjadikan solekan sebagai sumber pendapatan tambahan," luahnya bangga.

Ditanya jurusolek tempatan atau antarabangsa yang menjadi reference nya bila berkarya. Jelas Syed Dewa begitu mengagumi kreativiti yang ada pada jurusolek tempatan iaitu Najib Azmi dan Tiar Zainal.

"Teknik solekan jurusolek antarabangsa memang ada kelas tersendiri. Tetapi ia agak sukar untuk diaplikasikan kepada kulit wanita Asia. Saya gemar bermain dengan elemen natural dan soft make-up. Dua jurusolek tempatan yang sentiasa menjadi rujukan saya adalah Najib Azmi dan Tiar Zainal," ujar lelaki yang menjadi pilihan selebriti tempatan seperti Izzreen Azminda, Nad Zainal, Effira Loy dan Haris Suraya untuk di tatari.

KREATIVITI JANA PENDAPATAN

Bergelar jurusolek tidak terhad kepada menyolek semata-mata. Untuk terus bertahan dalam industri ini kita perlu kreatif mempelbagaikan cabang pendapatan.

"Selain jurusolek saya juga membuka sebuah studio fotografi di Bangi Sentral, Bangi. Saya menyasarkan usahawan-usahawan yang baru berjinak-jinak untuk berniaga tetapi tak punya bajet besar untuk dilaburkan kepada juru foto dan sesi fotografi. Saya menawarkan kos sewa studio yang rendah iaitu RM50 untuk satu jam dan juga pakej-pakej istimewa lain bersesuaian dengan bajet client.